

Pengurus Jabatan (Tanggungjawab Sosial Korporat) Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd, Janet Jonathan Balong pula, berkata pihaknya telah melaksanakan pelbagai inisiatif sebagai usaha memupuk kesedaran tentang kesan sampah kepada alam sekitar.

Antaranya pengurusan sampah dan pendidikan kitar semula di sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Katanya, mendidik generasi muda tentang kepentingan pengurusan yang baik dan pembuangan sampah amat penting dalam usaha mewujudkan masyarakat yang bertanggungjawab dan sedar tentang alam sekitar.

"Trienekens sudah mula mendekati sekolah dengan objektif ini menerusi program sekolahnya 'Wise Up to Waste'.

"Pelajar dari tadika hingga ke sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi, diajar tentang impak pencemaran sampah, kaedah pengurusan sampah sekarang yang diusahakan baik secara tempatan mahu pun global selain bagaimana mereka dapat memainkan peranan penting, sebagai individu dan anggota masyarakat, dalam usaha untuk memperbaiki situasi sampah," katanya.

Selain itu, beliau berkata, Trienekens juga menyokong semua inisiatif kitar semula dan menerusi program sekolahnya, syarikat itu telah memperkenalkan projek pengasingan sampah pepejal untuk menggalakkan amalan kitar semula terbaik di beberapa buah sekolah sama ada dalam kolaborasi dengan PBT atau secara langsung dengan sekolah.